

21/05/1999

Malaysia, Indonesia pertingkat aliran modal

Saodi Mat Atar

BATAM, Khamis - Malaysia dan Indonesia sepakat mahu meningkatkan aliran modal di antara kedua-dua negara dengan mengeluarkan produk diperlukan di pasaran Asean selain global.

Malah, Indonesia mengemukakan wujud lebih kapasiti dalam perindustrian tertentu di republik berkenaan, sekali gus mempelawa usahawan Malaysia membawa masuk modal diperlukan.

Perkara itu dibangkitkan dalam perbincangan peringkat menteri sempena pertemuan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan Presiden B J Habibie di Nongsa Point Marina, di sini, hari ini.

Delegasi Malaysia yang diwakili Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz dan Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, turut mempelawa Indonesia supaya melihat peluang pelaburan di Malaysia.

Bagaimanapun Malaysia mencadangkan kepada Indonesia supaya menyenaraikan peluang pelaburannya terlebih dahulu bagi membolehkan Malaysia memaklumkan kepada usahawannya yang berminat.

Menurut Rafidah, perbincangan peringkat Menteri itu bersetuju untuk mewujudkan mekanisme hubungan dua hala bagi memastikan peluang pelaburan di kedua-dua negara dapat dimanfaatkan sepenuhnya.

"Selepas ini kita bercadang datang balik ke Indonesia atau ke Batam ini sendiri untuk membuat susulan peluang pelaburan itu. Kita juga memberi fokus kepada beberapa perkara berkaitan soal import dan pembiayaan perdagangan," katanya selepas perjumpaan itu.

Delegasi Indonesia membabitkan lima menteri iaitu Menteri Luar, Ali Alatas; Menteri Ekonomi, Kewangan dan Industri, Ginandjar Kartasasmita; Menteri Pertahanan, Jeneral Wiranto; Menteri Perindustrian dan Perdagangan, Rahadi Ramelan dan Menteri Setiausaha Negara, Muladi.

Menurut Rafidah, turut dibincangkan ialah perdagangan di sempadan dan perdagangan tukar barang dengan Malaysia akan mengemukakan kertas dasar mengenainya demi kebaikan kedua-dua negara.

Selain itu, katanya, Malaysia dan Indonesia bersetuju supaya pemilihan Ketua Pengarah Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) di Geneva ditentukan melalui pengundian berikutan ada cubaan menolak pencalonan tokoh dari Thailand.

"Kita tidak mahu lagi ada dolak dalik dalam hal ini dan hanya pengundian menentukan dengan tepat menerusi cara demokrasi," katanya.

Beliau menegaskan kedua-dua negara menyokong pencalonan Timbalan Perdana Menteri Thailand, Supachai Panitchpakdi yang ditentang bekas Perdana Menteri New Zealand, Mike Moore, bagi jawatan tertinggi WTO itu.

Menurutnya, Malaysia dan Indonesia juga tidak berminat untuk membincangkan agenda baru bagi menyambung pusingan Uruguay dalam sidang di Seattle, November depan, sebaliknya menumpukan agenda sedia ada.

"Kita mahu bincangkan apa yang sudah ada di atas meja dan belum selesai termasuk soal pertanian dan perkhidmatan, bukannya menentukan agenda baru.

"Kita belum bersedia untuk memikirkan agenda baru, kalau ada pun ialah pada tahun depan. Kita tidak mahu ada lobi...kita harus sama-sama tentukan dan bukan orang lain," katanya.

Sementara itu, Syed Hamid berkata, perbincangan mengenai kegiatan di sempadan bersama Malaysia-Indonesia turut mencapai persetujuan untuk mengatasi kerenah birokrasi termasuk dari segi penggunaan visa.

(END)

